

**Kata kerja bantu dialek Kelantan:
Analisis kerangka program minimalis**
*Auxiliary verbs in Kelantanese dialect:
Minimalist program analysis*

*Fazal Mohamed Mohamed Sultan**

**fazal@ukm.edu.my*

Sarah Nur Najwa Mohd Nasir

sarahnurnajwa@gmail.com

*Pusat Kajian Bahasa Dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Received: 01 April 2020; Accepted: 24 August 2020; Published: 05 October 2020

Cite this article (APA): Mohamed Sultan, F. M., & Mohd Nasir, S. N. N. (2020). Kata kerja bantu dialek Kelantan: Analisis kerangka program minimalis. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 8(2), 1-15. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/124>

ABSTRAK

Kata Kerja Bantu (KKB) terbahagi kepada aspek dan ragam. Kajian sintaksis ini merupakan kajian yang menumpukan kepada KKB aspek dalam dialek Kelantan. Dialek Kelantan merupakan salah satu daripada dialek Timur di Semenanjung Malaysia. Kajian ini merupakan sebuah kajian lapangan yang dijalankan di Kampung Machang Gochoh, Pasir Mas, Kelantan. Data kajian di dapati melalui kaedah temu bual yang melibatkan 10 penutur natif di kampung tersebut yang sudah berumur lebih daripada 60 tahun. Kajian ini berbentuk kualitatif. Justeru, kajian ini menggunakan kerangka teori analisis sintaksis yang terkini iaitu Program Minimalis (PM) untuk menganalisis semua data perbualan yang mengandungi kata kerja bantu (KKB) aspek yang digunakan dalam dialek Kelantan (DK) tersebut. Untuk perbincangan yang lebih teliti kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada dua jenis KKB aspek iaitu *doh* dan *ghajin* sahaja. Kajian ini telah dibahagikan kepada kajian deksriptif dan analisis teoritikal. Hasil kajian deskriptif mendapati KKB *ghajin* dalam urutan kata hadir sebelum kata kerja (KK) utama seperti dalam bahasa Melayu baku tetapi KKB aspek *doh* boleh hadir sebelum dan selepas KK utama. Kefleksibelan ini hanya berlaku pada KKB aspek *doh* sahaja. Kajian yang lebih mendalam yang melibatkan kajian teoritikal mendapati bahawa KKB dalam dialek Melayu khususnya dialek Kelantan menandakan kala kepada seluruh ayat dalam dialek tersebut dan dakwaan ini pula dibuktikan melalui kedudukan hirarki urutan kata dialek Kelantan yang berbeza daripada bahasa Melayu baku.

Kata Kunci: Dialek, Kelantan, Kata Kerja Bantu, Aspek

ABSTRACT

*The Auxiliary Verb (KKB) is divided into aspects and modals. This syntactic study is a study that focuses on aspects which are used in the Kelantan dialect. The Kelantan dialect is spoken by people in Eastern Peninsular of Malaysia. This study is a field study conducted in Machang Gochoh Village, Pasir Mas, Kelantan. The survey data was obtained through an interview method involving 10 native speakers of the village who are over 60 years of age. This study is a qualitative study. Therefore, this study uses the latest syntactic analysis theory framework known as the Minimalist Program (PM) to analyze all conversation data containing auxiliary aspects used in the Kelantan dialect. For a more thorough discussion, this study focuses on 2 types of auxiliary aspects namely *doh* and *ghajin* only. This study has been divided into the descriptive and theoretical analysis. The descriptive analysis found that *ghajin* comes before the verb (KK) like in the standard Malay language but the auxiliary*

aspects of the doh may be present before or after the main verb. This flexibility only applies to doh only. Further research involving theoretical analysis found that the aspect in Kelantan dialect marked the tense of the entire sentence in the dialect and this claim is proofed by the hierarchy of word order in the Kelantan dialect which is different from the standard Malay language.

Keywords: Dialect, Kelantan, Auxilliary Verbs, Aspect

PENGENALAN

Kewujudan kepelbagaian kaum dalam negara Malaysia turut menggariskan kewujudan pelbagai variasi bahasa di dalam negara ini. Sesuatu bahasa mempunyai variasi-variasi bahasa yang menjadi simbol budaya setempat (Hamsiah & Che Ibrahim, 2017). Variasi bahasa merupakan sejenis pola tuturan manusia yang mencakupi bunyi, kata, dan ciri-ciri gramatikal yang secara unik dapat dihubungkan dengan faktor eksternal, seperti geografis dan faktor sosial (Wardhaugh, 1986:22). Menurut Waridah (2015), pada dasarnya variasi bahasa ditentukan oleh faktor tempat, faktor sosiokultural, faktor situasi, faktor waktu, dan faktor medium pengungkapan (bahasa lisan dan tulisan). Berdasarkan konsep variasi bahasa ini, dialek telah wujud di Malaysia oleh kerana beberapa faktor seperti faktor geografi dan faktor sosial. Kepada ahli linguistik, dialek adalah kelainan bahasa yang secara lazimnya diguna serta ditentukan oleh kawasan geografi atau keadaan sosial (Idris & Mohammed Azlan, 2016:22). Lebih menarik lagi bagi ahli linguistik formal kelainan bahasa itu dianalisis dengan teori yang unik.

Kajian ini akan mengkaji dialek Kelantan. Dialek yang dituturkan di pantai timur ini sangat unik kerana sebutannya yang amat berbeza daripada dialek di pantai barat. Perbezaan ini meliputi sebutan, makna dan struktur ayat. Dalam linguistik formal perbezaan ini diterjemahkan kepada fonologi, semantik dan sintaksis. Justeru kertas kerja ini akan memberikan tumpuan kepada bahagian sintaksis. Lebih khusus lagi kertas kerja ini akan membahaskan dan menganalisis sintaksis Kata Kerja Bantu (KKB) Aspek dalam dialek Kelantan. KKB aspek yang akan dianalisis ialah *doh* 'telah' dan *nghajin* 'pernah'. Keduanya amat unik kerana mempunyai perbezaan dan persamaan sekiranya dibandingkan dengan bahasa Melayu Baku.

SOROTAN LITERATUR

Dalam penelitian sorotan literatur ini, kajian ini telah menemui beberapa kajian dalam negara yang menjalankan kajian KKB seperti kajian Mohd Ra'in (2009) yang bertajuk *Kata Bantu Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus Berkomputer*, kajian Jakaran & Laleh (2011), *Modal Auxiliary Verbs in Prescribed Malaysian English Textbooks* dan *The Use of Modal Auxiliary Verbs in Horoscope: A Corpus Based-Study* oleh Ling (2016) yang merupakan kajian yang telah dijalankan dalam negara terhadap bahasa standard, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mengikut konteks yang digunakan di Malaysia. Kajian KKB di luar negara seperti *Aspect and Modality in Indonesian: The Case of sudah, telah, pernah and sempat* (Grange, 2010) sebagai contohnya, merupakan kajian bahasa Indonesia yang turut meneliti aspek KKB, dan kajian bidang sintaksis dan semantik seperti *On Auxiliary Chains: Auxiliaries at The Syntax-Semantic Interface* (Ana Bravo et al., 2015). Analisis tersebut membantu untuk memahami struktur KKB dari pelbagai aspek terutama aspek sintaksis.

Permasalahan kajian ini dianalisis ke atas perkataan dan ayat yang dituturkan oleh penutur dialek Kelantan sama ada ia mempunyai persamaan atau perbezaan daripada aspek struktur ayat dengan bahasa Melayu standard. Kajian lain juga membincangkan variasi bahasa, iaitu dialek dalam aspek sintaksis seperti kajian Bahasa Malaysia *Syntax: Some Aspects of Its Standardization* oleh Nik Safiah Karim (1978) dan *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian Dari Sudut Tatabahasa Generatif* oleh

Hashim Haji Musa (1993), Fazal et al. (2011), Kata Soal 'bila' dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis, dan Analisis Dieksis Dialek Kedah (Nurul Shahida & Maslida, 2015). Kajian-kajian lepas yang mengkaji dialek ini walau bagaimanapun tidak memberi perhatian kepada dialek timur, seperti dialek Kelantan. Terdapat satu kajian Adi Yasran (2012) yang mengkaji dialek Kelantan, namun hanya membincangkan dari aspek fonologi. Selain itu, aspek yang dikaji dalam kajian dialek yang lepas juga tidak melihat pada struktur KKB. Namun kajian, Riduan & Abdul Ganing (2018) yang bertajuk Keunikan Dialek Sungai Senggiri, Kelantan: Satu Analisis Struktural membincangkan tentang dialek Kelantan dan memperlihatkan varian dialek yang disifatkan sebagai dialek Kelantan tua. Selain melihat dialek dari segi keunikannya yang dituturkan dalam tempoh tertentu seperti kajian Ridun & Abdul Ganing (2018), artikel ini memberikan penumpuan dari segi aspek sintaksis dalam kajian dialek Kelantan. Seterusnya, kajian Fazal & Nurulafiqah (2013) dalam kajian Sintaksis Kata Tanya 'sapa' dalam dialek Kedah yang melihat posisi aspek kata soal tersebut berkait rapat dengan objektif artikel ini yang ingin melihat jika terdapat perubahan posisi KKB dalam struktur kerangka PM.

Walaupun kajian lepas di atas yang mempunyai kelompangan seperti tidak mengkaji KKB atau tidak menjalankan kajian berdasarkan aspek sintaksis, namun kajian-kajian pengkaji lepas merupakan asas lahirnya permasalahan kajian lain seperti kajian ini. Kesemua kajian lepas bukan hanya menimbulkan persoalan lain dan membuka ruang kepada pengkaji lain, tetapi turut menjadi penelitian sorotan literatur yang bernilai.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian dialek telah dilakukan secara meluas dalam bidang sosiolinguistik kerana ia amat berkait rapat dengan masyarakat. Perhubungan bahasa dan masyarakat dapat dilihat melalui kaca mata sosiolinguistik dengan lebih jelas. Namun begitu, di dalam pengkajian dialek terdapat ciri linguistik lain yang masih tidak dikaji secara menyeluruh di dalam dialek bahasa Melayu (Azhar & Fathin Noor Ain, 2016). Terdapat beberapa penyelidikan yang mengetengahkan ciri linguistik lain seperti dalam bidang sintaksis, morfologi, fonetik dan fonologi serta semantik. Pengkajian dialek dalam bidang sintaksis berupaya untuk melihat struktur ayat dalam variasi bahasa selain bahasa standard. Sorotan literatur menyatakan terdapat sejumlah ahli dan pengkaji bahasa yang telah menjalankan penyelidikan sintaksis terhadap dialek bahasa seperti Fazal & Norasmira (2012), Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi (2010) dan Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal (2017).

Permasalahan kajian ini dilihat pada perkataan dan ayat yang dituturkan oleh penutur dialek Kelantan sama ada ia mempunyai persamaan struktur ayat, atau mempunyai perbezaan dengan bahasa Melayu standard. Hal ini bergantung kepada jenis KKB yang digunakan dalam sesebuah ayat. Berdasarkan kajian dan penulisan lepas seperti `Bahasa Malaysia Syntax: Some Aspects of Its Standardization` oleh Nik Safiah Karim (1978) dan `Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian Dari Sudut Tatabahasa Generatif` oleh Hashim Haji Musa (1993), KKB dalam bahasa Melayu telah dinilai dan dianalisis dari aspek sintaksis. Analisis KKB dalam variasi bahasa Melayu perlu dijalankan dari sudut sintaksis untuk memudahkan pengkaji bahasa mendapatkan maklumat tentang KKB dalam variasi bahasa.

Penggunaan PM merupakan satu kaedah yang melengkapkan keperluan kajian ini. Setelah mengenal pasti jenis KKB yang digunakan dalam dialek Kelantan, kedudukan posisinya dalam kerangka PM juga perlu dinilai. Dalam mengenal pasti kedudukan posisi KKB dialek Kelantan dalam struktur rajah pohon PM, pengkaji dapat mengetahui jika terdapat perbezaan atau persamaan posisi kedudukan KKB dalam dialek Kelantan dengan

posisi kedudukan KKB dalam bahasa Melayu standard melalui kajian lepas oleh Hashim Haji Musa (1993). Analisis ini merupakan satu masalah yang perlu dikaji untuk menyedarkan tentang kepentingan mengkaji variasi bahasa Melayu yang wujud dalam bidang sintaksis kerana ianya merupakan variasi sesuatu bahasa tersebut dan perlu dititik beratkan untuk menyelesaikan permasalahan lain yang berkaitan.

Menurut Chomsky (1995), rumus struktur frasa mempunyai dua tugas utama, iaitu memerihalkan sistem hubungan sintaksis yang wujud dan menentukan urutan dalaman bagi unsur sintaksis, dan dengan itu memungkinkan berlakunya rumus transformasi. Frasa Kerja (FK), Frasa Adjektif (FA) dan Frasa Sendi (FS) dilihat sebagai unsur penentuan untuk perhubungan sintaksis antara elemen yang lain seperti fungsi KKB. Persoalan masalah ini wajar dikaji kerana ia dapat membantu tenaga pengajar dalam menjelaskan lagi fungsi KKB aspek dengan kala. Perluasan bidang sintaksis dalam variasi bahasa lain sangat penting untuk memperlihatkan kepentingan dan keterlibatan di antara bidang-bidang linguistik. Keterbukaan dalam memberi contoh-contoh linguistik dalam pelbagai variasi bahasa juga penting supaya kita dapat mengetahui kelainan atau persamaan ciri linguistik dalam sesuatu variasi bahasa.

Perungkaiian masalah kajian membantu dalam menentukan objektif dalam sesebuah penyelidikan. Terdapat dua objektif kajian ini iaitu, (1) untuk mengenalpasti KKB aspek yang digunakan dalam dialek Kelantan dan (2) menganalisis KKB aspek dialek Kelantan dengan menggunakan teori Program Minimalis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Justeru kajian ini menggunakan kajian Teori Program Minimalis untuk menganalisis data. Kajian lapangan ini menggunakan penutur natif di Kelantan.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini mengetengahkan kaedah kajian lapangan yang seterusnya membawa kepada data kajian. Dalam penelitian data kajian, aspek penting seperti jenis data, responden dan kaedah pengumpulan data adalah penting untuk artikel ini menguruskan data tersebut. Keperluan data dari dialek Kelantan ini memerlukan kajian lapangan dijalankan dan menemui responden secara bersemuka. Data tersebut seterusnya ditranskripsikan agar pemilihan data yang mempunyai KKB dapat dianalisis.

Pemilihan persampelan

Data ini merupakan data hasil dari kajian lapangan yang berbentuk kualitatif. Bagi demografi responden, mereka perlu berasal daripada lokasi dialek tersebut. Jumlah target responden adalah seramai 10 orang yang mewakili penutur dialek Kelantan di Kampung Machang Gochoh, Pasir Mas. Aspek asas demografi yang penting seperti nama, umur, pekerjaan, jantina dan tempat tinggal merupakan aspek penting untuk mendapatkan sasaran maklumat dan data yang berkualiti. Untuk mendapatkan responden yang diinginkan, kajian ini turut mendapatkan bantuan informan setempat yang boleh bekerjasama. Kajian ini telah memilih 5 orang responden lelaki, dan 5 orang responden perempuan yang merupakan penutur asli dialek Kelantan yang menepati kriteria dan aspek demografi yang ditetapkan seperti berumur tua iaitu melebihi 60 tahun, tidak meninggalkan kawasan lahirnya agar kajian ini mendapat data dialek Kelantan yang sahih dan sesuai dengan keperluan objektif. Kajian yang membincangkan aspek sintaksis ini perlu menggunakan dialek yang dituturkan oleh penutur

aslinya kerana menurut Idris & Mohammed Azlan (2016) dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil (2019), pengertian data bahasa yang alamiah ini sangat utama, dan data itu harus diuji dengan penutur asli bahasa tersebut. Untuk analisis sintaksis, jumlah penutur tidak penting tetapi responden wajib penutur asli untuk bahasa tersebut sahaja (Chomsky 1995).


Alat Kajian

KKB merupakan kata yang hadir dalam frasa kerja (FK). Oleh itu, kaedah yang paling relevan dalam kajian ini adalah kaedah perbualan. Kaedah perbualan memerlukan responden untuk bercakap tentang sesuatu. Walau bagaimanapun, topik-topik harus digariskan agar perbualan tidak tersasar yang akhirnya akan membuat kajian ini kekurangan data untuk ditranskrip. Kajian ini perlu ada gambaran yang menyeluruh sebagai langkah dalam kaedah perbualan. Garis halus yang membezakan antara kaedah bercerita dengan kaedah perbualan adalah perbualan yang memerlukan pengkaji untuk berinteraksi dengan responden lebih kerap berbanding dengan kaedah penceritaan. Topik perbualan di antara responden dengan pengkaji adalah;

- i) Kehidupan seharian.
- ii) Cuaca.

Alat analisis

PM merupakan satu teori yang bersesuaian dengan kajian ini kerana ia menghuraikan bagaimana konstituen daripada leksikon dipilih dan digabungkan oleh penutur natif sesuatu bahasa tersebut. Menurut Chomsky (1995), PM adalah satu model Tata Bahasa Sejagat yang dipercayai dimiliki oleh manusia sejak mereka lahir lagi di dalam Fakulti Bahasanya. PM telah diperkenalkan pada tahun 1995 sebagai sebuah teori yang jauh dari rangka kompleks dan menggunakan kerangka rajah pohon yang minimal. Selain itu, PM turut menjelaskan tentang cara konstituen digerakkan berdasarkan keperluan ekonomi bagi penghasilan derivasi yang boleh diinterpretasikan oleh antaramuka iaitu Bentuk Fonetik (BF) dan Bentuk Logik (BL). Konsep asas teori PM diilustrasikan seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Konsep Asas PM
(Sumber: Chomsky, 2001)

Menurut Chomsky (1995), proses penghasilan rajah pohon ini pula berpaksikan kepada teori x-berpalang yang mempunyai beberapa syarat iaitu:

1. Kewujudan setiap frasa mestilah endosentrik.
2. Kehadiran tiga aras iaitu FX, X' dan X.
3. Kedudukan kepala (X) ialah satu aras di bawah X- satu palang (X') yang dinaungi terus oleh nodus frasa (FX).

Syarat asas ini perlu dipatuhi agar komputasi agar pembentukan derivasi dapat berlaku dengan betul. Penganalisan KKB dialek Kelantan ini meletakkan pemilihan ayat yang mengandungi KKB sahaja yang diambil dalam artikel ini untuk dianalisis dengan menggunakan pendekatan Kerangka PM. Dengan kajian lapangan ini, penggunaan kaedah ini sejajar dengan keperluan objektif dan permasalahan kajian dalam mengenal pasti KKB dan seterusnya melihat kedudukan posisi KKB dalam kerangka PM dan melihat jika ada perbezaan dan persamaan kedudukan posisi KKB dalam ayat bahasa Melayu baku dengan ayat dialek Kelantan.

DAPATAN KAJIAN

Data yang dikutip dan dianalisis dibincangkan berpandukan objektif kajian untuk:

Soalan Kajian 1: Apakah KKB aspek yang digunakan dalam dialek Kelantan?

Data yang dikutip daripada responden disemak dan ditulis semula untuk mencari ayat yang mempunyai 2 KKB aspek sahaja iaitu *doh* dan *ghajin*. Kedua-duanya didapati mempunyai distribusi yang berbeza apabila dibandingkan dengan bahasa Melayu standard. Distribusi yang berbeza pula menyebabkan kedua-duanya mempunyai sifat ang bereza.

KKB aspek *doh* merupakan singkatan yang sama merujuk kepada KKB aspek dalam bahasa Melayu baku *sudah*. *Dah* dan *sudah* biasanya hadir pada posisi tengah dalam ayat bahasa Melayu baku. KKB aspek *doh* dalam DK pula boleh hadir di posisi tengah seperti dalam ayat (1) (a) atau pada akhir ayat seperti dalam (1)(b). Posisi KKB dalam DK sama ada di tengah ayat atau di akhir ayat merupakan ayat yang gramatis, tetapi kedudukan KKB *sudah* di akhir ayat dalam bahasa Melayu baku adalah merupakan ayat yang tidak gramatis seperti ayat (1) (c):

- (1) (a) Dio gi *doh* keda.
Dia pergi dah kedai.
Dia sudah pergi kedai.
- (b) Dio g keda *doh*.
- * (c) Dia pergi kedai *sudah*.

Khairul Taufiq Abu Bakar, Nor Hashimah Jalaludin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, (2019), menyatakan bahawa kata kerja bantu selalu diletakkan sebelum kata kerja utama. Kedudukan ini tidak dipatuhi dalam dialek Kelantan. Ayat (1)(b) memperlihatkan kedudukan KKB aspek *doh* dalam DK di akhir ayat yang hadir selepas KK, namun ayat (1)(b) adalah ayat yang gramatis dalam DK. Kata bantu selalu diletakkan sebelum kata kerja utama. Hal ini membuktikan KKB biasanya menduduki posisi sebelum KK dalam bahasa Melayu baku, tetapi terdapat KKB dalam DK yang menduduki posisi selepas KK seperti KKB aspek *doh*. KKB aspek *doh* fleksibel untuk menduduki sama ada posisi sejurus selepas KK atau di posisi akhir ayat tanpa memberi pengaruh kepada kegramatisan ayat. Posisi fleksibel dan fenomena khusus ini terjadi dalam DK kerana kebiasaan penggunaan struktur sintaksis tersebut. Menurut Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (2016), bahasa memiliki bentuk bahasa baku yang seragam dengan sistem tulisannya sendiri. Dialek yang merupakan ragam dan variasi sesuatu bahasa pula tidak mempunyai struktur baku tersendiri seperti bahasa baku. Oleh itu, urutan dalam DK terutama KKB aspek *doh* yang boleh menduduki posisi selepas KK dan di akhir ayat kerana kebiasaan penggunaan ragam ayat tersebut.`

Namun, jika KKB aspek *doh* dalam DK hadir sebelum KK seperti dalam (1)(d), ayat tersebut akan menjadi tidak gramatis di dalam DK:

1. * (d) Dio keda *doh* gi.

Ayat (1) (e) pula memperlihatkan KKB *doh* yang menduduki posisi sebelum KK dalam DK sama seperti kedudukan KKB yang biasa terlihat dalam struktur bahasa Melayu baku. Ayat ini adalah gramatis tetapi janggal dan jarang digunakan oleh penutur DK. Ini adalah kerana ayat 1(e) merupakan ayat bahasa Melayu baku.

1. (e) Dio *doh* gi keda.

Menurut Kok Siong (1991), kata kerja bantu adalah kata kerja yang membantu sesuatu kata kerja utama dalam memberikan ciri-ciri aspek dan suasana. Jika diperhatikan ayat (1a), (1b) atau (1e), KKB aspek *doh* menandakan sesuatu yang telah terjadi. Dengan kata lain, KKB ini menyatakan masa KK *gi* itu telah dilakukan. Justeru, analisis deskriptif ini mendakwa bahawa KKB aspek dalam dialek Kelantan menandakan waktu ataupun masa. Dakwaan ini sekali gus mencerminkan bahawa dialek Kelantan mempunyai kala. Kala ini direalisasikan melalui KKB *doh*. KKB ini menandakan kala lepas kepada kata kerja *gi* dalam ayat (1a). Dakwaan ini dapat dibuktikan melalui analisis sintaksis ke atas ayat (1a) berpandukan kerangka dalam Rajah 1.

Manakala bagi data KKB aspek *ghajin* yang digloskan memperlihatkan perkataan *rajin*, *ghajin* tidak merujuk kepada makna harfiahnya, iaitu suka bekerja atau kerap kali (Dewan Bahasa & Pustaka, 2014), tetapi bagi penutur DK, *ghajin* merujuk kepada KKB aspek *pernah* dalam bahasa Melayu baku. KKB aspek ini menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan itu sudah berlaku seperti dalam KKB aspek *doh* juga. Contoh ayat KKB aspek dalam DK memperlihatkan *ghajin* pada posisi sebelum KK sama seperti posisi KKB aspek *pernah* dalam ayat bahasa Melayu baku.

- (2) (a) Aku *ghajin* wak tape.
Aku pernah buat tapai.
'Aku pernah buat tapai.'
- * (b) Aku wak tape *ghajin*.
- (c) Wak tape aku *ghajin*.
Wak tapai aku rajin
'Aku rajin buat tapai.'
- * (d) Aku wak *ghajin* tape.


Ayat (2)(b) memperlihatkan ayat yang tidak gramatis dalam DK kerana posisi kedudukan KKB aspek *ghajin* di akhir ayat menjadikan ayat tersebut tidak bermakna. Walau bagaimanapun, ayat (2) (c) merupakan ayat yang gramatis dalam DK walaupun *ghajin* turut berada di posisi akhir ayat kerana *ghajin* dalam ayat tersebut bukan hadir sebagai KKB aspek yang merujuk kepada KKB aspek *pernah*, tetapi merujuk kepada makna harfiahnya iaitu adjektif (Adj) *rajin*. Ini membuktikan bahawa *ghajin* mempunyai dua makna dalam dialek Kelantan iaitu sebagai KKB dan kata adjektif. Ayat (2) (d) pula memperlihatkan KKB aspek *ghajin* yang menduduki posisi selepas KK. Ayat ini merupakan ayat yang tidak difahami oleh penutur asli DK yang menjadikannya sebagai sebuah ayat yang tidak bermakna, berbeza dengan ayat (2)(a) yang memperlihatkan KKB pada posisi yang sama, tetapi menjadi ayat

yang gramatis dalam DK kerana dapat difahami dan dituturkan oleh penutur DK dan menjadi ayat yang bermakna. Justeru, urutan untuk KKB *ghajin* adalah sama seperti dalam bahasa Melayu iaitu hadir sebelum kata kerja tetapi mempunyai fungsi sebagai penanda waktu kepada kata kerja tersebut. Ini bermakna KKB ini juga menandakan kala kepada kata kerja tersebut. Kala yang ditandakan kepada keseluruhan ayat ialah kala lepas.

Soalan 2: Apakah posisi kedudukan KKB dialek Kelantan dalam kerangka PM?


Untuk menganalisis, maka Rajah 1 dirujuk semula. Aras pertama dalam Rajah 1 ialah leksikon. Kesemua leksikal akan berada di dalam leksikon tersebut. Leksikal yang berkaitan akan dihantar ke aras yang kedua iaitu numerasi. Pada aras ini proses pembentukan ayat akan berlaku melalui cantuman dan gabungan. Pembentukan struktur sintaksis di dalam Minimalis dimulakan dengan kata kerja dahulu yang membentuk frasa kerja (FK). Justeru, pada aras numerasi derivasi untuk FK akan dimulakan dengan kehadiran KK *gi* sebagai KK transitif yang memiliki dua fitur iaitu [K, uN]. Fitur [uN] adalah fitur tak berinterpretasi dan wajib disemak mengikut Prinsip Penyemakan Fitur. Mengikut Prinsip Penyemakan Fitur, semua fitur yang tak berinterpretasi wajib disemak sebelum melepasi aras Cetusan. Sekiranya tidak, ayat tersebut akan ditandakan sebagai tak gramatis dalam BL nanti. Untuk penyemakan tersebut maka FN *keda* yang mempunyai fitur [N] akan dipilih daripada leksikon dan bergabung di posisi komplemen seperti struktur (3a) di bawah kerana FN ini merupakan argumen dalaman dan mempunyai fitur [N] yang diperlukan untuk penyemakan fitur untuk memenuhi Prinsip Penyemakan Fitur. Prinsip Penyemakan Fitur memastikan mana-mana fitur yang tak berinterpretasi disemak dan dihapuskan. Hasil daripada pergabungan ini maka fitur tak berinterpretasi [uN] dapat disemak dan dihapuskan. Hasil cantuman kedua-dua nodus maka wujudlah nodus FK:

(3a)




Seterusnya, struktur dalam (3a) and bergabung dengan k bergabung untuk membentuk k' seperti dalam (3b). Nodus k (k kecil) pula akan diletuskan untuk menjadi struktur cantuman. Bahagian kiri diduduki oleh KK *gi*. Hasil gerakan KK *gi* meninggalkan bekas yang bertanda <gi> pada posisi asalnya. Posisi kanannya pula diduduki oleh fitur tak berinterpretasi dan tanpa nilai [uKala:]:

(3b)




Seterusnya, struktur (3b) bergabung dengan subjek ayat FN *dia* untuk membentuk Fk. FN *dia* menduduki posisi Spek Fk seperti dalam (3c):

(3c)




Struktur (3c) pula akan bergabung dengan KKB *doh*. KKB ini menandakan masa sesuatu perbuatan itu dilakukan. KKB ini secara langsung menandakan masa lepas kepada KK *gi* dalam ayat ini. Pergabungan ini akan menghasilkan struktur (3d):

(3d)



Struktur (3d) menggambarkan bahawa KKB hadir sebelum kata kerja. Namun ayat (1a) menggambarkan bahawa kata kerja hadir sebelum KKB. Jadi ini membuktikan bahawa KK *gi* perlu bergerak ke hadapan KKB untuk menghasilkan ayat (1a). KK *gi* akan bergerak ke posisi KALA seperti dalam rajah (3e):


(3e)



Struktur (3e) menunjukkan dua pergerakan iaitu pergerakan KK *gi* dan KKB *doh*. Kehadiran KK *gi* menunjukkan bahawa KK hadir sebelum KKB. Malah analisis ini mendakwa bahawa KKB *doh* membawa fitur kala lepas [lepas] bersamanya. Fitur ini telah membolehkan Prinsip Penyemakan Fitur, yang memerlukan fitur tak berinterpretasi disemak dan dihapuskan, diaktifkan kerana fitur [ukala:] di bawah perlu dinilai dan disemak mengikut prinsip ini. Justeru, [ukala:] yang tidak bernilai


dapat dinilai dengan kala lepas untuk menjadi [uKala:lepas]. Selepas dinilai maka fitur tak berinterpretasi ini dapat disemak dan dihapuskan seperti dalam struktur (3f).

(3f)



Seterusnya KALA' pula diberikan fitur tak berinterpretasi [uN] oleh Prinsip Projeksi Tambahan. Ini akan menyebabkan FN *dio* yang dijanadasar di posisi Spek Fk perlu bergerak ke atas untuk menyemak fitur tersebut. Hasil pergerakan ini akan menghasilkan struktur (3g):


(3g)



Pergerakan ini membolehkan fitur tak berinterpretasi yang terakhir dapat disemak. Menurut Chomsky (2005), kedudukan FN *dio* adalah kedudukan yang dikenali sebagai kedudukan subjek permukaan. Struktur (3g) menggambarkan keseluruhan pergerakan yang berlaku sebelum ke aras Cetusan. Malah analisis ini juga telah membuktikan bahawa dialek Kelantan ini mempunyai kala. Kala itu direalisasikan oleh KKB aspek iaitu *doh*.

Di samping itu, Rajah pohon yang terhasil seperti dalam struktur (3g) menggambarkan bahawa ayat (1a) adalah gramatis dalam DK kerana semua fitur tak berinterpretasi dapat disemak dan dihapuskan dengan sempurna sebelum BL dan BF.

Seterusnya adalah analisis ke atas KKB aspek *ghajin*. Analisis deksriptif di atas dapat dibuktikan dengan analisis sintaksis ke atas ayat (2a). Berdasarkan ayat (2a), maka satu analisis sintaksis dapat dilakukan seperti dalam rajah 3. Derivasi penuh untuk ayat (2a) dapat ditunjukkan seperti ini dalam struktur (4):



Struktur sintaksis ayat (2a) dalam struktur ayat (4) di atas terdiri daripada leksikal {*Aku*, *ghajin*, *wak*, *tape*}. Kata kerja *wak* dalam DK yang menjadi kepala frasa adalah kata kerja transitif yang memerlukan argumen dalaman dan argumen luaran untuk ditandai peranan tetanya. FN *Aku* dapat memenuhi argumen dalaman dan FN *tape* memenuhi argumen luaran bagi KK *wak*. Nodus akar ayat adalah gabungan binari KK *wak* dan *tape*. KK *wak* mempunyai fitur pemilihan-k [uN] yang bersesuaian dengan *tape* yang membawa fitur [N]. Penyemakan fitur pemilihan-k dapat dilakukan dan membentuk struktur binari baru iaitu FK. Seterusnya k dipilih untuk bergabung dengan FK untuk pembentukan k'. Seterusnya projeksi k diletuskan menjadi struktur cantuman yang dipenuhi oleh konstituen KK *wak* dan posisi di sebelah kanannya dipenuhi oleh fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Hasil gerakan KK *wak* meninggalkan bekas yang bertanda <*wak*> pada posisi asalnya. Seterusnya, konstituen *Aku* [N] dipilih untuk menduduki posisi spek Fk. Nodus k' pula membawa fitur pemilihan-k [uN] yang dapat disemak dengan fitur kategori [N] yang berinterpretasi dalam *Aku* dan seterusnya menghasilkan gabungan konstituen yang gramatis. Nodus KKB *ghajin* seterusnya digabungkan dengan Fk untuk membentuk FKKB. Seterusnya, FKKB bergabung dengan nodus KALA. Nodus Kala ini pula membentuk struktur cantuman yang diduduki oleh KKB dan KALA. Posisi KALA mendapat fitur [lepas] hasil daripada pergerakan ini. KALA yang membawa fitur [lepas] dipilih dan digabungkan dengan FKKB untuk membentuk KALA'. Dengan ini, proses penyemakan kala dapat dilakukan. Kala dengan fitur [lepas] dapat menilai fitur tak berinterpretasi [ukala:] dengan kala lepas untuk menghasilkan [ukala: lepas]. Seterusnya Prinsip Penyemak fitur beroperasi yang menyebabkan fitur tak berinterpretasi [ukala:lepas] dapat disemak dan dihapuskan [~~ukala:lepas~~]. Prinsip Projeksi Tambahan pula akan menandakan fitur tak berinterpretasi [uN] pada fiturKALA'. Ini

menyebabkan FN *aku* akan bergerak dicantumkan di posisi Spek FKALA. Kehadiran FN *aku* dengan fitur [N] akan membolehkan fitur tak berinterpretasi pada KALA' dapat disemak dan dihapuskan. [ɤN].

Kesemua fitur tak berinterpretasi dapat disemak dan dihapuskan dengan sempurna. Ini memenuhi kehendak Prinsip Penyemakan Fitur. Hasilnya derivasi dalam struktur (4) dapat dihantar ke BL dan BF selepas Cetusan. Rajah pohon yang terhasil seperti dalam Struktur (4) adalah rajah pohon yang gramatis kerana mendapat interpretasi yang betul pada aras antarmuka iaitu BF dan BL.

PERBINCANGAN

Kajian ini tidak hanya terhenti pada penyenaian KKB, tetapi untuk melihat posisi kedudukan KKB DK dalam rajah pohon menggunakan kerangka PM. Melalui analisis deksriptif dan sintaksis tersebut, posisi kedudukan KKB aspek dalam rajah pohon dialek Kelantan memperlihatkan kehadirannya sebelum KK utama seperti dalam bahasa Melayu standard dan selepas KK utama.

KKB aspek *doh* hadir selepas KK utama dalam ayat yang jika diterjemahkan dalam bahasa Melayu standard akan menjadi ayat yang tidak gramatis. Posisi kedudukan KKB aspek *doh* boleh menduduki posisi selepas KK atau di akhir ayat. Kefleksibelan ini memperlihatkan kebolehan binari dalam rajah pohon KKB aspek *doh* dalam DK sahaja. Melalui hasil analisis deskriptif dan analisis sintaksis maka satu kesimpulan dapat dicapai untuk KKB aspek *doh*. Kedudukan dan posisi KKB aspek *doh* dapat digambarkan melalui hirarki seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Hierarki Urutan Kata Dalam Ayat Dialek Kelantan

Subjek > KK > KKB > Objek

Jadual 1 menunjukkan urutan KKB aspek *doh* dalam ayat dialek Kelantan. Justeru, perubahan yang berlaku dalam ayat 1(b) ke atas frasa *Dio g kedai* adalah pergerakan ke posisi fokus seperti dalam (1b'):

(1b') [_{FFokus} Dio g keda] doh ____.



Jadual 1 membuktikan bahawa KKB *doh* amat berbeza daripada Bahasa Melayu baku. Hirarki KKB dan KK terbalik berbanding dengan Bahasa Melayu baku. Ini adalah satu lagi penemuan sintaksis yang membezakan dialek Kelantan daripada Bahasa Melayu baku. Pada masa yang sama analisis KKB aspek *ngajin* mendapati bahawa dialek ini mematuhi urutan KKB dalam bahasa Melayu baku. Keadaan ini dapat digambarkan dengan jelas dalam Jadual 2.

Jadual 2: Hierarki Urutan Kata Dalam Ayat Dialek Kelantan

Subjek > KKB > KK > Objek

Jadual 1 yang dihadiri oleh *doh* menunjukkan satu urutan yang dihadiri oleh KK dahulu sebelum KKB manakala jadual 2 menunjukkan kehadiran KKB dahulu sebelum KK. Jadual 1 bertentangan daripada bahasa Melayu baku manakala jadual 2 mematuhi bahasa Melayu baku. Kami mendakwa bahawa berbezaan ini adalah normal untuk sesuatu dialek. Ini adalah kerana dialek itu mempunyai nahu deskriptif iaitu nahu sebenar dalam otak penutur tersebut manakala bahasa Melayu baku ialah nahu preskriptif iaitu nahu yang direka untuk membakukan sesebuah bahasa supaya bahasa tersebut boleh diangkat menjadi bahasa dunia. Justeru Jadual 1 menunjukkan kedudukan sebenar KKB bagi dialek Kelantan, manakala, Jadual 2 menunjukkan bahawa urutan itu terjadi akibat daripada pengaruh bahasa baku.

KESIMPULAN

Menurut penyenaian objektif, pengenpastian KKB aspek '*doh*' dan '*ghajin*' dalam DK dapat dicapai dengan melihat data sahih dari penutur asli DK sendiri. Kajian ini tidak hanya terhenti pada penyenaian KKB tersebut, tetapi untuk melihat posisi kedudukan KKB DK dalam rajah pohon menggunakan kerangka PM. Posisi kedudukan KKB tersebut dalam rajah pohon memperlihatkan kehadirannya sebelum KK utama seperti dalam bahasa Melayu baku. Walau bagaimanapun, terdapat KKB yang mempunyai fenomena khusus dalam DK. KKB aspek *doh* hadir selepas KK utama dalam ayat yang jika diterjemahkan dalam bahasa Melayu baku akan menjadi ayat yang tidak gramatis. Posisi kedudukan KKB aspek *doh* boleh menduduki pertengahan ayat selepas KK atau di akhir ayat. Kefleksibelan ini memperlihatkan kebolehan binari dalam rajah pohon KKB aspek *doh* dalam DK sahaja. Hal ini kerana penganalisisan rajah pohon terhadap KKB aspek lain yang dikhuatiri mempunyai fenomena khusus sama tidak menunjukkan kefleksibelan KKB yang boleh hadir selepas KK utama. KKB aspek *ghajin* yang membawa fitur kala lepas seperti KKB aspek *doh* tidak boleh hadir selepas KK utama seperti KKB aspek *doh*. Rajah pohon yang memperlihatkan posisi kedudukan KKB dalam DK ini sekaligus dapat membantu pengkaji dalam membandingkan persamaan dan perbezaan posisi kedudukan KKB di antara DK dan bahasa Melayu baku. Kesemua posisi yang diduduki adalah sama dengan posisi KKB dalam bahasa Melayu baku iaitu sebelum KK utama. Perbezaan hanya dapat dilihat pada fenomena khusus DK yang melibatkan KKB aspek *doh* seperti yang telah dinyatakan. Kefleksibelan ini hanya berlaku pada KKB aspek *doh* sahaja yang tidak melibatkan faktor kala lepas kerana KKB lain yang berkala lepas tidak memiliki kefleksibelan ini. Fenomena khusus untuk KKB aspek *doh* dapat membuktikan hirarki urutan kata yang melibatkan KKB aspek sebelum pengaruh bahasa Melayu baku.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA, di bawah dana FRGS berkod FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/3.

RUJUKAN

- Ana Bravo, Luis Garcia Fernandez & Diego Gabriel Krichoven. (2015). 'On auxiliary chains: Auxiliaries at the syntax-semantics interface', *BOREALIS*, 4(2), 71-101.
- Adi Yasran. (2012). 'Analisis koda berdasarkan kekangan dalam dialek Kelantan', *GEMA*, 12(4), 1127-1145.

- Asmah Haji Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Hj.Wahid & Fathin Noor Ain Ramli. (2016). Pengembangan Pengajian Melayu Memperkukuhkan Bahasa Melayu Nusantara. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 4(1), 151 - 170.
- Azhary Tambusai. (2020). `Morphological typology of Riau Malay language`, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 56-64.
- Chomsky, N. (1995). *Minimalist Program*. Cambridge: MIT Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2013). Sintaksis kata tanya 'sapa' dalam dialek Kedah. *GEMA*, 13(1), 43-59.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. (2012). Kata tanya 'mana' dalam dialek Pulau Pinang dalam Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 87-103.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, & Harishon Radzi. (2010). Kata kerja transitif bahasa Mendriq: Kerangka Program Minimalis. *Jurnal Melayu*, (5), 409-423.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2011). Kata soal 'bila' dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. *GEMA*, 11(1), 69-80.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. (2019). Variasi Leksikal Dialek Melayu di Negeri Kedah: Kajian Geolinguistik. *Jurnal Geografia* 15(4): 16-29.
- Gan Kok Siong. (1991). *Kata Kerja Bantu dalam Sintaksis Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Grange, P. (2010). `Aspect and modality in Indonesian: The case of sudah, telah, pernah and sempat`. *Wacana* 12(2): 243-268.
- Hashim Haji Musa. (1993). *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian dari Sudut Tatabahasa Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman & Mohammed Azlan Mis. (2016). *Variasi Bahasa*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Hamsiah Juki & Che Ibrahim Salleh. (2017). Kesantunan Pantun Melayu Sarawak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 56 - 100.
- Jayakaran Mukundan & Laleh Khojasteh. (2011). Modal auxiliary verbs in prescribed Malaysian English textbooks. *English Language Teaching*, 4(1), 79-89.
- Kamus Dewan*. (2004). Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Taufiq Abu Bakar, Nor Hashimah Jalaludin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2019). Golongan Kata Kerja: Korelasi antara Kecekapan Tatabahasa dengan Kecekapan Pragmatik dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 23(1), 70-101.
- Ling, Yvonne S.C. (2016). The use of modal auxiliary verbs in horoscope: A corpus based study. *Language Studies*, 5(2), 82-98.
- Mohd Ra'in Shaari. (2009). Kata bantu bahasa Melayu: Analisis data korpus berkomputer. <https://pustaka2.upsi.edu.my/index/> [10 Disember 2019]
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal. (2017). Morfosintaksis dialek Negeri Sembilan dan dialek Minangkabau. *GEMA*, 17(2), 177-191.
- Mukundan, J., & Khojasteh, L. (2011). *Modal Auxiliary Verbs in Prescribed Malaysian English Textbooks*.
- Nik Safiah Karim. (1978). *Bahasa Malaysia Syntax: Some Aspects of Its Standardization*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis dieksis dialek Kedah. *GEMA*, 15(1), 163-187.
- Riduan Makhtar & Abdul Ganing Laengkang. (2018). Keunikan dialek Sungai Nenggiri, Kelantan: Satu analisis struktural. *e-Bangi*, 13(3), 260-273.
- Wardhaugh, R. (1986). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Waridah. (2015). Penggunaan bahasa dan variasi bahasa dalam berbahasa dan berbudaya. *Jurnal Simbolika*, (1), 84-92.